

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 15 TAHUN 1976

PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KEBENARAN DI BAWAH BAB 13(A) UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI ANAK-ANAK MELAYU 1930 DARIPADA KETURUNAN 'SYED' ATAU 'SHEIKH' ATAU 'KHAN' PERANAKAN KELANTAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua PHT kepada Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 8 Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 yang telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan pada 29.7.1976 bagaimana Kn. P.U 19/1976.

2. Menurut Perwakilan Kuasa iaitu YAB Dato' Menteri Besar dan YB Tuan Timbalan Menteri Besar telah diberi kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan di bawah Seksyen Kecil (i)(b) dan (i)(c) daripada Seksyen 13A Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-Anak Melayu Bil 18/1930.
3. Permohonan-permohonan yang boleh ditimbang dan diluluskan oleh YAB Dato' Menteri Besar dan YB Tuan Timbalan Menteri Besar itu terhad kepada bakal penerimanya yang terdiri dari seorang yang berketurunan 'Syed' Atau 'Syeikh' Atau 'Khan' yang boleh disifatkan sebagai Peranakan Kelantan mengikut takrif di bawah Undang-undang Tanah Kelantan 1938.
4. Sungguhpun kuasa itu telah diperturunkan bagaimana yang dinyatakan di atas tetapi PHT kenalah juga menyediakan Rang Kertas MMK seperti biasa dan diangkat melalui Pejabat PTG dengan membuat pengesyoran supaya pindahmilik itu diluluskan dengan tidak ada perubahan jenis hakmilik.

5. Jika bakal penerima itu terdiri dari orang-orang yang bukan peranakan Kelantan walaupun ianya keturunan Syed atau Sheikh atau Khan, pengesyoran hendaklah dibuat mengikut dalam Pekeliling PTG Bil 8/1976.

t.t
(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan

KEPADA:

Semua P.H.T. & Penolong P.H.T. Kelantan

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

SALINAN KEPADA:

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Pegawai Tadbir L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG. Kn. 976/(9)

KOTA BHARU: 14HB NOVEMBER 1976